



# TEKS UCAPAN



**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,**  
**KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PENURUNAN HARGA 2015**

**KK GROUP**

**DI KK SUPERMART DESA PETALING**

**7 APRIL 2015**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat sejahtera, salam 1Malaysia

Yang di hormati saudara pengacara majlis,

Yang berbahagia,

Dato Dr KK Chai

Pengerusi Eksekutif KK Group

YBhg. Tan Sri, Puan Sri, Datuk, Datin

Rakan-rakan media

Pegawai-pegawai dan kakitangan

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Saya memanjatkan rasa syukur kerana kita dapat bersama-sama berhimpun untuk meraikan Majlis Pelancaran Kempen Penurunan Harga yang dianjurkan oleh KK *Supermart Group Of Companies*, salah sebuah syarikat peruncitan yang mempunyai banyak jaringan cawangan. Tahniah kepada warga kerja KK *Supermart Group Of Companies* yang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Pelancaran Kempen Penurunan Harga pada hari ini.
2. Kerajaan telah melaksanakan sistem GST pada 1 April lepas. Dengan sistem GST ini, pengguna hanya perlu membayar satu kali cukai sahaja iaitu sebanyak 6%. Tidak dinafikan impak daripada pelaksanaan cukai ini secara amnya akan wujud kenaikan harga disebabkan segelintir peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan sehingga membebankan pengguna. Di sini saya ingin mengingatkan bahawa KPDNKK akan sentiasa melakukan pemantauan harga dan tindakan penguatkuasaan agar pengguna tidak akan tertindas dengan masalah kenaikan harga barang dan perkhidmatan.
3. KPDNKK sentiasa mencari inisiatif baru untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, demi memastikan kesejahteraan. Antara inisiatif yang telah dilakukan adalah melaksanakan Kempen Penurunan Harga yang telah dilancarkan pada 1 Mac 2015 yang lalu dan mendapat sambutan yang amat baik daripada pelbagai pihak.
4. Sebanyak 16 buah syarikat telah menyertai Kempen Penurunan Harga. Ia melibatkan 1,036 cawangan pasar raya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi 82,582 produk. Selepas Majlis Pelancaran Kempen Penurunan Harga 2015, terdapat tambahan 13 buah syarikat yang menyertai kempen ini. Jumlah keseluruhan penyertaan setakat ini ialah sebanyak 29 syarikat dengan melibatkan 1,058 cawangan pasar raya termasuk Sabah dan Sarawak dengan penawaran diskaun sehingga 70% bagi 86,128 produk.

5. Lanjutan daripada sambutan yang menggalakkan, *The Store Corporation Sdn. Bhd.* telah melanjutkan tempoh kempen selama 2 bulan lagi iaitu bermula 1 April sehingga 31 Mei 2015. Pada kali ini, ia melibatkan jumlah keseluruhan 401,506 produk dengan tawaran diskaun dari 10% hingga 70% dan melibatkan 74 cawangan di seluruh negara kecuali di Sarawak.

6. Secara peribadi saya cukup gembira apabila mendapat berita bahawa di dalam kesibukan kita untuk melaksanakan GST, terdapat syarikat yang secara sukarela telah menyahut seruan kerajaan untuk turut sama menyertai Kempen Penurunan Harga. Selain daripada *The Store Corporation*, *KK Supermart Group Of Companies* juga telah menyertai Kempen Penurunan Harga 2015 dengan melibatkan 7 anak syarikat iaitu KK Super Mart, KK Home Deco, KK Hotel, KK Freshmart, KK Kopitiam, KK Motorsports dan SKCC laboratories selama 1 bulan iaitu bermula pada 7 April sehingga 7 Mei 2015. Ini melibatkan 197 cawangan di seluruh negara dengan penawaran diskaun sehingga 87% bagi 245 produk. Tahniah!

7. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya sehingga kini sejumlah 39 syarikat telah menyertai Kempen Penurunan Harga 2015 dengan melibatkan 1,329 cawangan di seluruh negara dengan penawaran diskaun sehingga 87% bagi 487,879 produk. Saya menyeru agar lebih banyak lagi syarikat-syarikat peruncitan, pengilang, peniaga rangkaian restoran menyokong kempen penurunan harga ini. KPNDKK mengucapkan terima kasih atas usaha oleh pihak-pihak yang terlibat.

8. Saya difahamkan di bawah syarikat *KK Supermart Group Of Companies*, terdapat 197 cawangan yang terlibat dalam menjayakan kempen ini di seluruh negara iaitu 178 cawangan KK Super Mart, 10 cawangan KK Home Deco, 3 cawangan KK hotel, 1 cawangan KK Motorsports, 1 cawangan KK Freshmart, 3 cawangan KK Kopitiam dan KK Food Court dan 1 cawangan SKCC Laboratories. Ini menunjukkan sokongan syarikat kepada program anjuran kerajaan dan sekaligus dapat membantu meringankan beban rakyat.

9. Secara jujurnya, saya merasakan KK Supermart group of companies ini adalah sungguh unik. Ini adalah kerana syarikat menawarkan pelbagai jenis kategori produk melalui industri yang berbeza. Ia tidak hanya terhad kepada barangan keperluan harian tetapi terdapat juga barangan lain seperti perabot, produk kecantikan, alat aksesori kenderaan serta penginapan hotel yang turut diketengahkan. Syabas! Inilah yang kita mahukan agar pengguna mempunyai lebih banyak alternatif untuk berbelanja.

10. Saya dimaklumkan bahawa *KK Supermart Group Of Companies* akan meningkatkan lagi bilangan produk dan kepelbagaian jenis produk pada bulan yang akan datang dengan potongan harga bagi produk terpilih sehingga 60%. Bagi barangan yang dikenakan GST pula, pihak KK Super Mart akan menanggung 6% GST tersebut. Tahniah diucapkan kepada KK Group!

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Kenaikan harga barang dan perkhidmatan adalah sesuatu yang pasti berlaku di mana-mana negara. Dengan adanya Kempen Penurunan Harga barang ini, ia dapat membantu mengurangkan beban rakyat dan merancakkan aktiviti Perdagangan Dalam Negeri. KPDNKK menerima banyak maklum balas positif, khususnya daripada pengguna, di mana pengguna amat menghargai usaha kerajaan dan swasta dalam membantu meringankan beban mereka. Saya menyeru agar lebih banyak syarikat peruncitan secara sukarela untuk bersama-sama menjayakan kempen ini. Saya amat menghargai segala usaha yang dilakukan oleh pihak swasta. Kita harus bersama berganding bahu untuk memastikan kebajikan rakyat terjaga. Oleh itu, saya mengalu-alukan sokongan daripada pihak swasta bagi menjayakan kempen ini.

12. Saya juga berharap agar semua pihak bersama-sama mewujudkan persekitaran positif dalam masyarakat kita. Kepada peniaga, pastikan barangan atau produk yang ditawarkan adalah yang berkualiti. Peniaga juga hendaklah

menjalankan perniagaan secara beretika, mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah ditetapkan seperti meletakkan tanda harga yang betul dan menyediakan bekalan yang mencukupi. Jika ada arahan atau peraturan yang tidak jelas, para peniaga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak Kastam dan KPDNKK. Sebagai pengguna pula, anda perlu bijak membuat penilaian. Jika terdapat penyelewengan atau penipuan yang dikesan, segera laporkan kepada KPDNKK bagi membolehkan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Dengan lafaz bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Penurunan Harga Tahun 2015 KK Group.

Sekian, terima kasih.